



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

BAJET 2023 MENJAGA KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK & MEMPERKASAKAN KERJAYA WANITA

Petang tadi kita telah mendengar pembentangan Belanjawan 2023 yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim merangkap Menteri Kewangan. Saya ingin menekankan beberapa perkara yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada tahun ini.

Bagi pihak KPWKM, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sokongan YAB Perdana Menteri **dalam mempertimbangkan cadangan kami untuk mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak**. Dengan pengumuman ini, KPWKM bersedia untuk bekerjasama rapat dengan agensi-agensi pusat seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam memperincikan Jabatan ini secepat mungkin.

KPWKM turut berbesar hati atas pengumuman **pertubuhan sebuah unit khas di bawah Bahagian D11, Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membanteras aktiviti pornografi kanak-kanak**. Kami di KPWKM sedia membantu PDRM demi keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak.

Di samping itu, KPWKM juga mengalu-alukan **inisiatif di bawah PERKESO**

untuk menggalakkan wanita yang sebelum ini terpaksa berhenti kerja selepas tempoh cuti bersalin untuk menjaga anak-anak. Kami percaya, pindaan akta yang akan dibawa oleh Kementerian Sumber Manusia ini akan menjadi pemangkin dan menyuntik semangat untuk golongan wanita agar menjadi seorang ibu tidak menghalang mereka untuk terus berjaya dalam kerjaya dan profesion mereka.

Sekian, terima kasih

YB DATO'SRI HAJAH NANCY SHUKRI

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT

24 FEBUARI 2023